

KHUTBAH KHAS AIDILFITRI 1443H/ 2022M

“KEMBALI KEPADA FITRAH”

(3 Mei 2022M/ 1 Syawal 1443H)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَدَّ أَوْلِيَاءَهُ بِالتَّوْفِيقِ، وَأَلْهَمَهُمْ كَلِمَةَ الْحَقِّ

والتَّصْدِيقِ، وَأَرْشَدَهُمْ إِلَى أَوْضَحِ مَحَجَّةٍ وَطَرِيقٍ، وَجَعَلَهُمْ بِرَحْمَتِهِ خَيْرَ

أُمَّةٍ وَفَرِيقٍ، أَحْمَدُهُ عَلَى النِّعْمَةِ الَّتِي بِهَا حَبَانَا، وَأَشْكُرُهُ عَلَى الْمِلَّةِ الَّتِي

بِهَا هَدَانَا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ

سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ اهْتَدَى بِهِدْيِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِي نَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ

وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama membanyakkan puji-pujian dan syukur kepada Tuhan Yang Maha Esa. Maha suci Allah yang mengurniakan bulan Ramadan untuk kita berusaha mempertingkat

iman dan takwa. Bulan yang menyuburkan kesungguhan kita untuk melakukan amal ibadah dan akhlak yang mulia. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* menerima segala amalan kita. Pada hari kebesaran ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk **“Kembali Kepada Fitrah”**.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Bermula dari terbenamnya matahari hari terakhir Ramadan semalam hingga sebelum solat sunat Aidilfitri sebentar tadi, kita bersama-sama telah bertakbir, bertahlil bertahmid dan bertasbih sebagai tanda mengagungkan kebesaran Allah *subhanahu wata'ala*, menzahirkan rasa syukur atas taufiq dan hidayah yang dikurniakan kepada kita, hingga berjaya dalam usaha mentaati-Nya melalui ibadah puasa terutamanya, dan mengawal serta mendidik nafsu.

Semoga Aidilfitri yang kita sambut pada hari ini akan dipenuhi dengan amalan-amalan yang selari dengan ajaran Islam, menghormati dan tidak mencemarkan cahaya Ramadan yang baru saja berlalu, dan seterusnya memuliakan dan mensyukuri bulan Syawal yang mulia ini, tanda kembalinya kita kepada fitrah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Ramadan yang lalu, setelah memasuki fasa endemik, rumah-rumah Allah mula rancak dimakmurkan dengan pelaksanaan solat fardhu berjemaah dan ibadah-ibadah yang lain. Malam harinya pula

dihidupkan dengan ibadah sunat seperti solat sunat tarawih, witr, qiyamullail, tadarus Al-Quran dan sebagainya. Tidak kurang juga, mereka yang menghidupkan suasana ibadah dalam lingkungan masing-masing seperti bersama keluarga dirumah, rakan-rakan di tempat kerja dan sebagainya. Ada yang melakukan amal bakti dengan membantu mereka yang memerlukan dan berada dalam kesulitan, dengan apa jua yang termampu untuk diberikan. Inilah madrasah Ramadan. Semuanya, pasti akan dilihat oleh Allah dan dikurniakan ganjaran selagi mana amal tersebut dilakukan kerana-Nya.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Madrasah yang baru kita tinggalkan ini, mengajar kita erti ikhlas dalam beribadah, merasai kesusahan orang yang menanggung kelaparan kerana kemiskinan serta bermujahadah menahan diri dari maksiat dan perkara yang melalaikan. Keberadaan kita dalam Ramadan yang lalu, turut menyedarkan kita agar berusaha membuat persiapan sebelum memasuki negeri akhirat yang kekal abadi. Semoga kita tergolong dalam mereka yang memasuki syurga bersama Rasulullah *sallallahu 'alaihiwasallam*, ahli keluarga baginda, para sahabatnya serta sekalian golongan mukmin yang selamat pegangan akidah keimanan mereka yang merupakan kunci kehidupan akhirat. *Amiin ya Rabbalalamin.*

Puasa pada bulan Ramadan menjadi sebab kepada kita merasa lebih bersyukur atas apa jua kurniaan Allah *subhanahu wata'ala*,

kerana merasai sendiri kesusahan dan kesulitan yang dialami oleh golongan yang kurang bernasib baik. Ia menjadikan jiwa kita, merasa kasih dan sayang kepada orang lain. Natijahnya, maka lahirlah kesungguhan pada diri kita sebagai umat Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* untuk berkhidmat dengan penuh ikhlas demi agama serta mengangkat martabat dan maruah negeri dan negara serta umat.

Semoga kita dikurniakan istiqamah dalam beramal serta selalu bersegera memohon keampunan atas dosa dan segala kekurangan dalam ibadah. Permudahkanlah kami Ya Allah, untuk melakukan amal bakti, membelanjakan sebahagian harta di jalan Allah dan dianugerahkan jiwa yang kasih kepada sekalian manusia, lebih-lebih saudara seagama. Permudahkan jalan kami Ya Allah, menuju perkampungan syurga yang kekal abadi. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Aali-Imran, ayat 133-134:

﴿ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴾

﴿ ١٣٣ ﴾

﴿ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكُظُمِينَ الْفَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴾

﴿ ١٣٤ ﴾

Maksudnya : *“Dan bersegeralah kamu kepada keampunan daripada Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa. (yaitu) Orang-orang yang menafkahkan (hartanya), pada waktu lapang mahupun sempit, dan orang-orang yang menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan) orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan”*.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Aidilfitri bererti merayakan kemenangan ke atas godaan hawa nafsu, menjadikan kita kembali kepada fitrah yang suci bersih, tanpa dosa menjadi semakin bertakwa dan sentiasa mencari kebaikan. Terkadang timbul dalam pertanyaan dalam benak fikiran kita iaitu adakah kita benar-benar menjadi hamba Allah *subhanahu wata'ala* yang kembali kepada fitrah seperti yang dicitakan? Bagaimana pula keadaan keluarga kita? Adakah mereka turut kembali kepada fitrah?

Seharusnya seorang yang beriman, mengambil berat persoalan ini sebagai perkara yang baik atau erti kata lain sebagai batu loncatan untuk menilai kekurangan dirinya sama ada dari sudut jiwa, roh atau batin mahupun yang zahir. Proses penilaian diri ini akan berterusan hingga ke akhir hayat yang akan menghalakan diri kita ke arah melakukan penambahbaikan dalam penyucian jiwa dengan berzikir, berselawatnya dan sebagainya serta memperbaiki amal

perbuatan seperti menggantikan solat fardhu yang ditinggalkan, menampung kekurangannya dengan solat sunat dan sebagainya.

Selagi ada hayat, janganlah berputus asa daripada rahmat Allah dalam menuju kepada-Nya, walaupun seringkali kita melakukan kesilapan dalam pelbagai perkara kerana sifat putus asa bukanlah daripada sifat orang yang beriman. Termasuklah juga sifat-sifat batin yang tercela iaitu sifat ujub dengan merasakan diri lebih baik berbanding orang dalam pelbagai perkara seperti dalam urusan ibadah, keilmuan dan sebagainya. Begitu juga sifat ingin mendapat perhatian dan pujian manusia dalam melakukan amalan, pengetahuannya dalam sesuatu bidang ilmu dan sebagainya. Moga kita semua terpelihara dari sifat-sifat ini dan tergolong dalam kalangan mereka yang berterusan memperbaiki diri dan berterusan memohon keampunan kepada Tuhan hinggalah ke akhir hayat.

Seseorang yang berusaha memperbaiki diri akan menatijahkan jiwa yang semakin bersih, terbit rasa cinta kepada kebaikan, cintakan al-Quran, kasih sesama insan apatah lagi saudara seagama, cintakan masjid, cintakan ilmu pengetahuan, cintakan segala bentuk kebaikan dan akhlak yang mulia dalam kehidupan. Mudah-mudahan segala sifat yang baik dan terpuji ini akan terus subur dan mekar dalam diri setiap daripada kita, *amin*.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Hari ini adalah hari untuk bergembira dan bersyukur atas kurniaan Allah *subhanahu wata'ala*. Hari untuk mengukuhkan lagi persaudaraan, ukhuwwah dan perpaduan kita. Ketika kita sedang bergembira menyambut Aidilfitri ini, janganlah lupa bahawa terdapat saudara mara, kaum kerabat, jiran tetangga, sahabat handai dan saudara seagama kita yang menyambut Aidilfitri dalam keadaan sedih, bersendirian, daif dan sebagainya.

Mereka ini terdiri daripada fakir dan miskin, anak-anak yang terbiar tanpa ibubapa atau penjaga yang memelihara mereka, mereka yang berada di pusat-pusat pemulihan, penjara, rumah orang tua, rumah anak yatim, rumah kebajikan, mereka terlantar di rumah sakit dan sebagainya. Gembirakanlah mereka dengan menziarahi mereka menghulurkan apa jua bantuan yang terdaya. Begitulah antara sifat orang yang kembali kepada fitrah.

Bersempena kembalinya kita kepada fitrah, mimbar turut menyeru sekalian umat Islam supaya memelihara hubungan dengan kedua ibu bapa kita sekiranya masih hidup dengan memohon kemaafan atas segala keterlanjuran dan kesalahan kita, sama ada yang disedari ataupun yang tidak disedari. Dengan demikian, jiwa kita yang kembali kepada fitrah dapat merasai ketenangan dan kebahagiaan. Semoga Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Al-Israk, ayat 23 mengingatkan dan menyuburkan rasa cinta seterusnya berbakti kepada kedua ibu bapa serta selalu mendoakan kedua-duanya sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia:

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا آفٌ وَلَا نَهْرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴾

Maksudnya: “Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia.”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, sambutan hari raya dalam Islam adalah ibadah. Seharusnya kita hendaklah berusaha agar kegembiraan dalam berhari raya tidak sesekali bercampur-aduk dengan perkara-perkara berbentuk maksiat, pembaziran, kelalaian dan seumpamanya. Mimbar ingin menekankan beberapa **perkara yang penting** agar terjaga adab dan syariat **semasa berhari raya** disamping pematuhan kepada garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan wabak COVID-19. Antaranya ialah:

Pertama : Memelihara solat fardu. Sewajarnya solat dilaksanakan tepat pada waktunya;

Kedua : Menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Adalah menjadi tanggungjawab ibubapa dan penjaga mendidik anak-anak akan batas-batas pergaulan mengikut syariat Islam;

Ketiga : Memakai pakaian sesuai dengan kehendak syariat yang menjadi syiar Islam;

Keempat : Sederhana dalam penampilan diri, menjamu selera dan penyediaan jamuan;

Kelima : Memelihara tutur kata ketika berziarah;

Keenam : Memelihara diri dari perkara yang melalaikan;

Ketujuh : Menziarahi saudara mara dan rakan-rakan dalam tempoh masa yang bersesuaian dan tidak mengganggu tuan rumah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, selari dengan cahaya Ramadan, serta keinsafan yang dibangkitkan, maka khatib ingin menyeru agar kita sentiasa berusaha memulihkan dan mengukuhkan hubungan dan perpaduan sesama kita iaitu dengan menyuburkan persefahaman dalam kalangan kita, meningkatkan rasa kasih mesra dan persaudaraan sesama Islam, mengukuhkan rasa timbang rasa dan saling menghormati sesama manusia, membuka hati kerelaan dan

keikhlasan memaafkan orang lain, bantu-membantu dalam kalangan kita dan sesama masyarakat majmuk, serta berazam terus menyumbang kepada kestabilan dan keselamatan dalam masyarakat, negeri dan negara.

Untuk mencapainya, kita perlu bersederhana dalam apa jua tindakan, sentiasa mengutamakan harmoni dan kesejahteraan. Berhati-hatilah dengan penyakit hati iaitu riyak, ujub dan hasad kerana ianya akan menzahirkan sifat-sifat seperti takabbur, ego, bongkak, sombong dalam tutur bicara serta mudah mencela dan merendahkan orang yang lain dan seumpamanya. Mudah-mudahan dengan cara ini, hidup kita sentiasa berada dalam keberkatan dan negeri kita sentiasa dalam suasana harmoni dan aman damai. Mengakhiri khutbah, marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hujuraat, ayat 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya : *Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ .

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ . لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ
وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

KHUTBAH KEDUA AIDILFITRI

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.
 الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
 شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ
 الْمُتَّقُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Kaum Muslimin yang dimuliakan,

Khatib ingin mengingatkan kepada semua umat Islam, dalam
 kemeriahan kita menyambut Syawal supaya sentiasa mematuhi
 garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan
 penularan wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak
 berkuasa. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon
 keampunan dan bermunajat kepada Allah subhanahu wata'ala agar
 diangkat segera wabak ini daripada kita.

Mimbar turut menyeru, teruskanlah semangat Ramadan yang
 tertanam di jiwa dengan melaksanakan puasa sunat enam hari di
 bulan Syawal sebagaimana yang digalakkan kepada kita untuk
 melakukannya. Sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* yang
 berbunyi :

((مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ بِسِتِّ مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ))

Maksudnya : Sesiapa yang berpuasa Ramadan, dan diikuti dengan enam hari di bulan Syawal, maka ia seumpama berpuasa sepanjang tahun.

Riwayat Imam Muslim

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin

Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah ! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan Makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami, Terimalah solat kami, puasa kami, amalan-amalan sunat yang telah kami kerjakan sepanjang bulan Ramadan Al-Mubarak, kekhusyukan kami, perhambaan kami dan sempurnakanlah segala kekurangan yang ada pada diri kami.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Perkukuhkanlah perpaduan dan kesatuan antara kami dan umat Islam seluruhnya dalam aqidah, ibadah dan akhlak, di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadikanlah diri kami, isteri-isteri kami dan keturunan kami dari kalangan yang mendirikan solat serta menjauhi dosa-dosa kecil apatah lagi dosa-dosa besar. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ تَقَبَّلَ يَا كَرِيمُ وَجَعَلْنَا اللَّهُ وَإِيَّاكُمْ مِنَ الْعَاءِدِينَ
وَالْفَائِزِينَ وَالْمَقْبُولِينَ كُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ.
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.